

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[ KLANG ]

TARIKH : 14 OKTOBER 2019 (ISNIN)

**SOALAN NO. 35**

**TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [ KLANG ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesediaan Kementerian untuk memperkenalkan ubat HIV dolutegravir (DTG) secara generik atau kurangkan harga ubat ini memandangkan *World Health Organization* mengesyorkan penggunaan dolutegravir (DTG) sebagai rawatan line pertama dan rawatan kedua untuk semua populasi.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Dolutegravir 50mg Tablet telah mula disenaraikan dalam Formulari Ubat Kementerian Kesihatan Malaysia (FUKKM) sejak 30 Mac 2017 dan telah digunakan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia sejak ubat tersebut disenaraikan. Pada masa ini, ubat Dolutegravir masih dalam tempoh perlindungan paten dan dijangka tamat pada tahun 2027. Pihak KKM sedang berunding dengan pihak *Medicine Patent Pool* (MPP) bagi membolehkan Malaysia tersenarai sebagai negara yang boleh mengimport ubat generik Dolutegravir yang lebih murah. Usaha ini adalah penting bagi meningkatkan akses ubat tersebut kepada pesakit HIV di negara ini.

Sekian, terima kasih.